

SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA PADA HARI CUTI MERDEKA

31 OGOS 2021, MELAKA - Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan berkaitan aduan pembakaran terbuka di kawasan sebuah sekolah di Alor Gajah dan sekitar Tanjung Kling, Melaka Tengah.

Hasil pemeriksaan dan siasatan mendapati kedua-dua tempat yang diadu terdapat kesan pembakaran terbuka tetapi tiada pembakaran terbuka dikesan sewaktu siasatan. Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah memberi amaran, banner larangan pembakaran terbuka dipasang serta pamflet larangan pembakaran terbuka telah diberi kepada pihak yang diadu.

Bagi pesalah yang melakukan kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Sila lakukan amalan lestari dirumah dan elakkan aktiviti pembakaran terbuka untuk kesejahteraan bersama. Marilah sama-sama merdekakan diri dan keluarga dari menjadi penjenayah alam sekitar.

Aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#MalaysiaPrihatin